

SOLCOSERYL® DENTAL ADHESIVE PASTE

Dried, Protein-Free, Biologica (2.125mg/g)/ Polidocanol (10mg/g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Solcoseryl Dental Adhesive Paste
2. Bagaimana Solcoseryl Dental Adhesive Paste berfungsi
3. Sebelum menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste
4. Cara menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste
5. Semasa menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste
6. Kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Solcoseryl Dental Adhesive Paste
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Solcoseryl Dental Adhesive Paste

Solcoseryl Dental Adhesive Paste digunakan untuk rawatan setempat bagi:

- Gangguan yang menyakitkan dan kerap dangan pada membran mukus pada mulut, gusi dan bibir: ulser mulut (*aphthae*), kudis selesema (*herpes labialis*), keradangan gusi (*gingivitis* dan *periodontitis*)
- Sakit mulut dentur
- Masalah yang dikaitkan dengan pertumbuhan dan pengeruputan gigi bongso.
- Sebagai pembalut luka selepas rawatan pembedahan mulut seperti: penskaleran, pembuangan tisu melalui pengikisan atau pengaupuan (*cuttage*), pembedahan tisu di sekeliling gigi (*periodontal*), pengekstrakan, pemasangan dentur serta-merta, keradangan soket gigi (*alveolitis*).

Bagaimana Solcoseryl Dental Adhesive Paste berfungsi

Solcoseryl Dental Adhesive Paste mengandungi *haemodialysate* daripada darah anak lembu untuk mempercepat penyembuhan, dan *polidocanol* untuk melegakan kesakitan dengan cepat dan

berpanjangan. Pes membentuk pembalut luka yang melekat pada luka bagi tempoh yang lama dan melindunginya daripada kerengsaan semasa makan dan minum.

Sebelum menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste

- *Bila tidak boleh menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste*

Jangan guna Solcoseryl Dental Adhesive Paste jika anda ada alahan kepada *parahydroxybenzoates* (E210, E216, E218) yang wujud sebagai pengawet.

- *Sebelum menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste*

Beritahu doktor anda sebelum mula menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste jika:

- Membran mukus atau luka terkena jangkitan
- Anda menghidap penyakit lain
- Anda alergi kepada bahan lain
- Bagi jangkitan akut, dinasihatkan supaya berkumur dengan larutan disinfektan (*chlorhexidine digluconate*)

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi di farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste

- *Berapa banyak harus digunakan*

Kecuali dipreskripsikan sebaliknya, sapu pes yang nipis kira-kira ½ cm panjang pada luka sebanyak 3-5 kali sehari.

- *Bila perlu digunakan*

Dinasihatkan supaya digunakan terutamanya sebelum masuk tidur.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Solcoseryl Dental Adhesive Paste digunakan sehingga luka pulih sepenuhnya.

- *Jika terlupa menggunakan*

Sila hubungi pakar perubatan anda.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Sila hubungi pakar perubatan anda.

Semasa menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Gunakan dos yang dinyatakan pada risalah pembungkus atau yang dipreskripsikan oleh pakar perubatan.

Solcoseryl Dental Adhesive Paste lebih berkesan disapu pada luka yang dikeringkan terlebih dahulu dengan putik kapas atau hujung jari yang telah dibersihkan. Seterusnya pes hendaklah diratakan dengan jari yang lembap, atau kumur mulut dengan segelas air. Pes tidak perlu diurut pada mulut.

Bagi sakit mulut dentur, pes disapu pada dentur yang telah dibersihkan dan dikeringkan.

Supaya dentur boleh melekat dengan lebih baik, kumur mulut dengan segelas air sebelum memakainya.

Tutup tiub rapat-rapat selepas menggunakannya. Mulut tiub akan tersumbat jika terdedah kepada lembapan.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Solcoseryl Dental Adhesive Paste tidak boleh dimasukkan ke dalam luka yang dalam yang akan ditutup dengan jahitan pembedahan.

Jangan guna produk selepas tarikh 'Exp' yang dinyatakan pada bekas.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Jika anda sedang mengandung atau merancang untuk mengandung, atau sedang menyusukan anak, guna produk ini apabila perlu sahaja.

Ada kalanya minyak mungkin terkumpul pada mulut tiub dan ini tidak menjejaskan kualiti produk.

Kesan-kesan sampingan

Setakat ini tiada kesan sampingan yang dilaporkan apabila menggunakan Solcoseryl Dental Adhesive Paste.

Jika anda rasa kesan ubat ini terlalu sedikit atau terlalu kuat, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

- Penyimpanan

Solcoseryl Dental Adhesive Paste hendaklah dilindungi daripada haba pada suhu di bawah 30°C, jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa produk

Solcoseryl Dental Adhesive Paste ialah pes berwarna kuning air lembut, berpasir, mudah disapu, homogen dan mempunyai bau pudina yang kuat.

- Bahan kandungan

Bahan aktif

- *Polidocanol* (10mg/g)
- Solcoseryl® (*haemodialysate* bebas protein daripada darah daging anak lembu, yang dipiawaikan secara kimia dan biologi), Kering, Bebas Protein, Biologikal (2.125mg/g).

Bahan tidak aktif

- *Methyl parahydroxybenzoate* (1.80mg/g) (E 218)
- *Propyl parahydroxybenzoate* (0.20mg/g) (E216)
- Menthol, perpermint oil, sodium carboxymethylcellulose, paste base

- Nombor MAL:

MAL19920090XC

Pengilang

Legacy Pharmaceuticals Switzerland GmbH, Birsfelden, Switzerland.

Pemegang Pendaftaran Produk:

A. Menarini Singapore Pte. Ltd.
B-18-2, Level 18, The Ascent
Paradigm, No.1, Jalan SS7/26A,
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

03/07/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)210518/00162